

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA
Volume 15 Issue 3
December 2019

COMMITTEE PAGE

VOICE OF ACADEMIA

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

Chief Editor

Junaida Ismail

*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Editorial Team

Aishah Musa

*Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Syahrini Shawalludin

*Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Khairul Wanis Ahmad

*Facility Management & ICT Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Siti Natasha Mohd Yatim

*Research And Industrial Linkages Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Azida Hashim

*Research And Industrial Linkages Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Editorial Board

Professor Dr M. Nauman Farooqi
*Faculty of Business & Social Sciences,
Mount Allison University, New Brunswick, Canada*

Professor Dr Kiyemet Tunca Caliyurt
*Faculty of Accountancy,
Trakya University, Edirne, Turkey*

Professor Dr Diana Kopeva
*University of National and World Economy,
Sofia, Bulgaria*

Associate Professor Dr Roshima Said
*Faculty of Accountancy,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Associate Professor Dr Zaherawati Zakaria
*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Kamarudin Othman
*Department of Economics, Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Kardina Kamaruddin
*Department of Management, Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Azlyn Ahmad Zawawi
*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Content Reviewer

Professor Dr Sivamurugan Pandian
Universiti Sains Malaysia

Dr Siti Zulihai Razali
Universiti Sains Malaysia

Dr Mahadir Ladisma @ Awis
Universiti Teknologi MARA


Prof Madya Dr Asmadi Ghazali
Universiti Teknologi MARA

Dr Wan Irham Ishak
Universiti Teknologi MARA

Aishah Musa
Universiti Teknologi MARA

Samsiah Bidin
Universiti Teknologi MARA

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2019 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

The Antecedents For Homelessness In Bukit Bintang, Kuala Lumpur, Malaysia Mohd Ramlan Mohd Arshad ¹ , Nurul Fatin Madzlan ² , Nurhfizah Mawi ³ & Mohd Nazir Rabun ⁴	1 - 10
Pembentukkan Pengukuran Penggunaan Whatsapp Dalam Kalangan Kakitangan Organisasii Che Su Mustaffa ¹ , Nuredayu Omar ² , Che Hasniza Che Soh ³	11 - 31
Integriti Pengguna Media Sosial Intan Syahriza Azizan ¹ , Shahriza Ilyana Ramli ² , Junaida Ismail ³	32 - 44
The Effects Of Human Resource Practices, Knowledge-Oriented Leadership And Organisational Innovation Towards Fourth Industrial Revolution: A Review And Research Agenda Choong Yuen Onn ¹ , Au Yong Hui Nee ² , Charles Ramendran SPR ³	45 - 49
Kajian Kes: Sosio Ekonomi Penduduk Projek Perumahan Rakyat (Ppr) Paya Nahu, Sungai Petani Kedah. Azlyn Zawawi ¹ , Intan Syahriza Azizan ² , Irwana Nooridayu Muhamad Hakimi ³ , Noorayuni Rusli ⁴ , Noorlailahusna Mohd Yusof ⁵ , Nurulaini Zamhury ⁶	50 - 58
Touch Lib©: Humanising A Library Attendance System In A Postgraduate Academic Institution Hasniza Amno ¹ , Mohd Jamil Kasim ² , Siti Fatimah Hashim ³ , Md Naim Salis @ Saleh ¹ , Bakiah Shaharuddin ⁴	59 - 64
The Impact Of Networking Among Women Entrepreneurial Success Shamsul Hana Abd Rani ¹ , Norashidah Hashim ² , Shamsul Huda Abd Rani ³	65 - 71
Tokoh Pahlawan Kedah; Dato' Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail Serta Perkaitannya Dengan Panglima Ismail Dan Panglima Tok Rashid; Panglima Pembawa Silat Cekak Dalam Persejarahan Negeri Kedah Sepanjang 1800 – 1925 Shukri Janudin dan Zaimilah Yusoff	72 - 95

TOKOH PAHLAWAN KEDAH; DATO' SERI PADUKA RAJA LAKSAMANA WAN ISMAIL SERTA PERKAITANNYA DENGAN PANGLIMA ISMAIL DAN PANGLIMA TOK RASHID; PANGLIMA PEMBAWA SILAT CEKAK DALAM PERSEJARAHAN NEGERI KEDAH SEPANJANG 1800 – 1925

Shukri Janudin dan Zaimilah Yusoff

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM)

ARTICLE INFO

Article history:

Received December 2019

Received in revised form

Accepted December 2019

Published December 2019

Keywords:

sejarah, panglima, Kedah, kedaulatan, Silat Cekak

Corresponding Author:
shuxre75@hotmail.com

ABSTRACT

Sejarah silam negeri Kedah hakikatnya telah melahirkan ramai tokoh pahlawan Melayu yang berperanan mempertahankan kedaulatan negeri dari pencerobohan musuh-musuh, yang mana ilmu persilatan digunakan sebagai sebahagian dari alat perperangan. Kertas kerja ini akan membincangkan peranan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail yang dikaitkan dengan Panglima Ismail serta Panglima Tok Rashid yang terkenal mengamalkan Silat Cekak dan digunakan bagi mempertahankan kedaulatan negeri Kedah seawal abad ke 19. Namun kekurangan kajian komprehensif mengenainya menyebabkan peranan mereka jarang diketahui. Justeru kajian ini berusaha menjelaskan perkaitan peristiwa-peristiwa sejarah yang melatarne negeri Kedah antara tahun 1800 hingga ke tahun 1925 bagi membuktikan peranan mereka sebagai panglima kanan dan pembawa ilmu persilatan Silat Cekak. Sepanjang tempoh tersebut pentadbiran tradisional negeri Kedah telah mengalami banyak perubahan terkesan dari campurtangan para penjajah. Kajian kualitatif bertemakan sejarah ini menggunakan kaedah trigulasi yang menggabungkan kaedah pemerhatian dan temuramah di lapangan sebagai sumber primer serta analisa dokumen sebagai sumber sekunder. Segala maklumat diperolehi telah dianalisa melalui perbandingan periksa balas dan periksa silang dengan maklumat-maklumat sekunder seperti dokumen, artikel, tesis, jurnal dan laman-laman sosial. Hasil analisa merumuskan terdapatnya perkaitan Laksamana Wan Ismail dalam sejarah negeri Kedah dengan keberadaan Panglima Ismail dan Panglima Tok Rashid yang mengamalkan ilmu Silat Cekak di akhir abad ke 18 dan awal abad ke 19.

ABSTRACT

The truth of Kedah past history reveal a number of Malays warrior those who protect the nation sovereignty against the enemy's invasion, in which silat as a martial art applied as a part of war instrument. This paper will discuss on the task of Dato' Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail that associated to Panglima Ismail and Panglima Tok Rashid which are renowned practicing Silat Cekak to safeguard the sovereignty of Kedah in early 19's century. However, the absence of the comprehensive research on the subject caused the mission of them are remain unknown. Therefore this research is trying to clarify the relation of Kedah history background in the period of 1800's to 1925 to verify their parts as a remarkable warriors and the carriers of Silat Cekak. Along such period Kedah administration has been changed affect from the colonial's intervention. This historical qualitative research is practicing the trigulation method which are combine the ground observation and interview technique as a primier sources plus with a document analisys as a secondary sources. All the gathered information were analized by the counter-check and cross-check assessment with documents, articles, thesis, journals and social webs as a secondary sources. The analisys has conclude that Laksamana Wan Ismail in Kedah history are most related to the existence of both Panglima Ismail and Panglima Tok Rashid whose are performing Silat Cekak during the late 18's and early 19's century.

Keywords: *history, panglima, Kedah, sovereignty, Silat Cekak*

1. PENGENALAN

Sejarah bangsa Melayu amat kurang menekankan cerita-cerita berkaitan para panglima berbanding kehebatan raja-raja yang adakalanya sarat dengan unsur mitos, mistik dan lagenda. Menurut Othman & Shamsuddin (2016) dan Muhammad (2017), penulisan sejarah terdahulu sering dilakukan atas titah perintah diraja menyebabkan ia lebih condong kepada usaha mengagungkan kehebatan golongan istana dan bersifat elitis. Kebanyakan penulisan sejarah Melayu turut dipelopori para orientalis Barat termasuk dari Thai menyebabkan banyak sejarah keagungan Melayu diputarbelit termasuk melabelkan bangsa Melayu sebagai pemalas, lemah, berjuang dengan senjata tradisional dan menggunakan pelbagai ilmu kebatinan bagi melawan musuh-musuh berbanding para penjajah yang lebih bertamadun serta mempunyai kekuatan persenjataan (Arifin, 2012; Alatas, 2013). Menurut Ahmad (2014) para penjajah juga sering memperlekehkan para pejuang Melayu dengan pelbagai penistaan seperti digelar lanun, perompak dan penderhaka. Situasi ini menyebabkan Rais Yatim (2014, Disember 28) mencadangkan agar usaha penulisan semula sejarah negara oleh para sarjana tempatan berdasarkan perspektif tempatan perlu diperhebatkan untuk merungkai fakta sebenar bagi menanam semangat jatidiri Melayu - Islam. Ini kerana menurut Rahim et al., (2018) banyak khazanah penulisan bangsa telah dimusnah, dicuri atau disembunyikan oleh para penjajah bagi menutup kehebatan bangsa Melayu.

2. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

2.1 Sepintas lalu Hubungan Kedah dengan Kuaxsa-Kuasa Asing

Kesultanan Kedah terkenal dan memiliki barisan panglima yang handal dengan pelbagai kelebihan ilmu bela diri. Golongan ini amat dipercayai oleh sultan-sultan Kedah dan dikurniakan gelaran Raja Laksamana atau Hulubalang Pahlawan (Othman, 1990). Mereka diamanahkan menjaga pertahanan dan keselamatan negara dari ancaman musuh-musuh dari dalam dan luar seperti gangguan lanun-lanun di Selat Melaka dan perairan Kedah, termasuk ancaman dari

kerajaan Burma (Skinner, 1985; Roff, 1987; Kratz, 1998), pencerobohan kerajaan Siam Sukhotai serta Inggeris (Windstedt, 1935; Osborn, 1838; Thomson & Hall - Jones, 1984), selain terlibat dalam urusan menjaga keselamatan di pelabuhan serta jajahan-jajahan takluk negeri Kedah (Hamzah & Noor, 2002; Othman & Aziz, 2012). Cubaan kuasa-kuasa asing seperti Aceh, Bugis, Siak, Siam Sukhotai, Burma, Belanda, Perancis dan Jerman untuk menguasai negeri-negeri Melayu di utara semenanjung menyebabkan Inggeris telah bertindak agresif mengukuhkan pengaruhnya di Kedah.

Bermula dengan Perjanjian 1786, Sultan Kedah dipaksa memajak Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) yang akhirnya menjadi milik penjajah tersebut melalui Perjanjian 1791, diikuti Perjanjian 1800 yang menyebabkan kawasan sepanjang pantai Kedah diserahkan kepada Inggeris. Kekuasaan politik Melayu di nusantara semakin lemah ekoran perjanjian sulit Inggeris - Belanda pada tahun 1824. Sementara penguasaan Siam ke atas Kedah bertambah kukuh setelah termenterainya Perjanjian Burney pada tahun 1826, beberapa tahun selepas kekalahan Kedah ke atas Siam pada tahun 1821. Pada 1897, sebuah lagi penjanjian rahsia Inggeris - Siam ditandatangani mengesahkan lagi penguasaan Siam ke atas Kedah dan negeri-negeri Melayu utara. Pada 1909, Perjanjian Bangkok memaksa Raja Siam menyerahkan Kedah, Perlis, Ulu Perak, Kelantan dan Terengganu kepada Inggeris. Namun sebaliknya kedaulatan wilayah-wilayah Melayu Patani terpaksa diserah kepada kerajaan Siam. Melalui Perjanjian 1923, Inggeris semakin mengukuhkan lagi kedudukannya di Kedah. Selepas perjanjian tersebut Kedah tidak lagi menerima ancaman dari kuasa-kuasa luar sehingga Jepun menyerang Malaya pada Disember 1941.

Kajian ini berusaha merungkai beberapa fakta sejarah yang melatari suasana di Kedah sebelum tahun 1800 sehingga tahun 1925 bagi melihat perbandingan dan peranan di antara Dato' Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail dengan Panglima Ismail dan seterusnya Panglima Tok Rashid dalam sejarah negeri Kedah. Terdapat banyak persamaan di antara Laksamana Wan Ismail dengan Panglima Ismail yang terkenal dalam sejarah Silat Cekak. Bagi menentukan kesahihan kewujudan kedua-dua tokoh tersebut, kaedah perbandingan dilakukan terhadap nama, gelaran, perkahwinan, keturunan, masa perkhidmatan dan kematian kedua-dua tokoh tersebut.

2.2 Sejarah Dato' Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail

Dalam sejarah negeri Kedah, nama Laksamana Wan Ismail atau Panglima Ismail dan Panglima Tok Rashid mungkin agak asing kepada kebanyakan sejarahwan. Mohd Herman (2018) menyatakan terdapat ribuan nama para pahlawan yang tidak dicatatkan dalam kajian-kajian sejarah perjuangan rakyat Kedah menentang Siam Sukhotai sepanjang tahun 1821 - 1842 yang merupakan sebuah perang jihad fisabilillah (Andaya & Andaya, 1982). Nama-nama mereka tidak sepopular Tunku Abdullah, Tunku Kudin, Tunku Muhammad Saad, Tunku Long Putih, Tunku Sulaiman, Tunku Muhammad Akib, Panglima Muhammad Taib, Syeikh Abdul Samad Al Palembangi, Tunku Muhammad Jiwa, Tok Moh Ris, Wan Mad Ali dan sebagainya (Adil, 1980; Ghazali, 1995; Jusoh et al., 2014). Menurut Adil (1980) dan Yahya (1996), setiap panglima di Kedah memiliki daerah-daerah kawalan, pengikut serta angkatan tentera tersendiri yang dikurnia oleh para sultan Kedah sejak zaman berzaman. Ahmat (1970), Gullick (1985) dan Kit (2017) mencatatkan bahawa dalam sejarah negeri Kedah ada disebutkan nama seorang panglima Kedah bernama Laksamana Wan Ismail. "Laksamana" mengikut gelaran diraja Kedah adalah pangkat yang dikurniakan oleh Sultan dan digelar dalam adat istiadat di istana yang diwarisi dari sistem hierarki kesultanan Melaka, mereka merupakan ketua angkatan laut serta darat dan turut membantu Bendahara, Temenggong dan Syahbandar mentadbir negara (Newbold, 1839; Gullick, 1958). Jawatan-jawatan ini hanya dipegang oleh seseorang penjawat dalam satu-satu masa sahaja atas perkenan sultan. Sementara gelaran "Panglima"

merupakan pangkat yang diberikan kepada pemimpin utama di medan perang (Kamus Dewan, 2010). Menurut Newbold (1839) lagi, jawatan-jawatan pembesar utama istana memainkan peranan penting dalam pentadbiran Kedah sejak tahun 1710 hingga 1821. Namun sepanjang tahun 1821 hingga 1842 semasa Kedah dijajah oleh Siam Sukhotai, keadaan negeri masih huru-hara tidak memungkinkan sistem pemerintahan kesultanan Kedah dapat berjalan lancar apabila sultan dan para pembesar terpaksa hidup dalam buangan. Selama 21 tahun tersebut Kedah telah diletakkan di bawah pemerintahan Gabenor dan Timbalan Gabenor lantikan Siam. Menurut Ahmat (1969), setelah Kedah kembali aman pada 1842, sultan-sultan seterusnya mengukuhkan kembali kuasa mereka dan memberikan pelbagai jawatan penting yang disandang selama ini oleh para pembesar kepada kaum kerabat mereka. Keadaan ini menjadi lebih ketara di zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid mulai tahun 1882.

Falarti (2009; 2013) mengungkapkan bahawa Ismail atau lebih dikenali sebagai Laxamana Ishmahel oleh Inggeris dan Siam telah dilantik mengetuai angkatan perang Kedah menentang Siam pada tahun 1822 bagi menggantikan bapanya; Dato' Seri Paduka Raja Laksamana yang terkorban semasa mempertahankan Kota Kuala Kedah dari serangan Siam. Falarti (2013) seterusnya menyatakan pada tahun 1828, Wan Ismail pernah mengemukakan rayuan kepada kerajaan Inggeris di mahkamah di Pulau Pinang agar mengembalikan tahta Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II dan membatalkan perintah Inggeris mengusir Sultan ke Melaka pada November 1827 sebelumnya, namun ditolak. Beliau turut terlibat mengatur serangan-serangan gerila sepanjang tahun 1828 - 1839 bagi membebaskan Kedah dari penjajahan Siam (Ghazali, 1995; 1996) sehingga sultan dapat bertahta kembali pada tahun 1842 dengan kaedah diplomasi yang digerakkan oleh Tunku Anom (Osborn, 1987).

Othman (1990) menyatakan Wan Ismail merupakan Orang Besar Berempat atau Menteri Empat bergelar Dato' Seri Paduka Raja Laksamana yang berkhidmat semasa pemerintahan tiga orang Sultan Kedah iaitu;

- Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804 - 1845) - Sultan Kedah ke 22
- Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah I (1845 - 1854) - Sultan Kedah ke 23
- Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah III (1854 - 1879) - Sultan Kedah ke 24

Menurut Wan Ibrahim Wan Soh (1972); Ismail Hajji Salleh (2001) dan Ibrahim et al., (2017), Wan Ismail pernah diberikan tanggungjawab sebagai ketua penyelia oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah dalam pembinaan beberapa buah terusan seperti di Sungai Korok yang menghubungkan Mukim Rambai dan Mukim Padang Kerbau di Pendang sekitar tahun 1815 - 1816 serta terusan Sungai Terus yang menghubungkan antara Sungai Simpor dan Sungai Muda di Kuala Muda (1818). Terusan-terusan ini bertujuan membekalkan air ke bendang-bendang padi, dusun serta berfungsi sebagai jalan perhubungan air terpenting ketika itu.

Skinner (1985) menyatakan, Laksamana Wan Ismail telah berkahwin dengan Wan Sopiah, anak kepada almarhum Bendahara Dato' Seri Paduka Maharaja Sura Wan Muhammad Sidek; bekas Laksamana Kedah yang berjaya mengalahkan tentera Burma di Pulau Sanglang pada tahun 1810. Hasil perkahwinan mereka dikurniakan empat orang anak iaitu yang sulung; Wan Muhammad (Mat) Saman, dilantik menjadi Perdana Menteri Kedah yang pertama dari tahun 1870 hingga 1898. Puteri kedua; Wan Hajar berkahwin dan menjadi permaisuri kepada Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah II pada tahun 1863. Kit (2017) menyatakan semenjak perkahwinan itu keturunan Wan menjadi kerabat yang semakin berpengaruh di istana Kedah. Anak ketiga Wan Ismail bernama Wan Fatimah dan anak bongsunya bernama Wan Abu Bakar turut diberikan jawatan penting di istana (Nordin, 2010).

Menurut Abdul Halim (2001) dan Awang (2003) pada tahun 1847, Sultan Zainal Rashid Muadzam Shah I telah melantik Laksamana Wan Ismail sebagai Pembesar bertaraf Penghulu Mukim di Langkawi. Pada tahun 1854 pula, Wan Ismail dilantik sebagai Penasihat Utama kepada Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah III kerana peranannya mengagalkan cubaan rampasan kuasa oleh Raja Muda Tunku Muhammad Said selepas kemangkatan Sultan Zainal Rashid Muadzam Shah I (Gullick, 1985; Mahyuddin et al., 2013; Wan Shamsuddin, 2018a).

Pada tahun 1879 berlakunya sekali lagi perebutan tahta Kedah berhubung perlantikan sultan baru susulan kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah III di antara balu pertama; Permaisuri Wan Hajar dengan Permaisuri Wan Khatijah (Wan Jah); balu kedua dari kerabat Patani. Persaingan tersebut dimenangi oleh Wan Jah kerana disokong oleh kaum kerabatnya; Tunku Kudin dan Tunku Yusuf dengan pengaruh Raja Siam. Hasilnya Tunku Daie telah dilantik sultan baharu Kedah ke 25 bergelar Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah II (Jin, 1990). Keadaan ini menyebabkan kaum kerabat Wan termasuk Wan Hajar dan Laksamana Wan Ismail terkilan kerana cucunya; Tunku Abdul Hamid yang ketika itu berumur 15 tahun tidak dilantik menjadi sultan meskipun pengaruh mereka begitu kuat di istana Kedah (Othman, 2001; Awang, 2003). Menurut Ahmat (1969) dan Gothamasan (1984), baginda sultan seterusnya bertindak mengekang kuasa Laksamana dan Temenggong di istana. Ini kerana baginda gusar kerana kedua-dua jawatan pembesar tersebut yang dipegang secara tradisinya oleh keturunan Wan mampu mempengaruhi pasukan tentera dan rakyat Kedah untuk bangkit memberontak. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati Laksamana Wan Ismail serta rakyat jelata kerana secara langsung menunjukkan terdapatnya campurtangan Siam.

Namun hayat Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah II tidak panjang apabila baginda mangkat di Ligor pada tahun 1881. Namun konflik istana berlaku sekali lagi apabila Tunku Kudin berusaha mentahtakan menantunya pula; Tunku Kassim sebagai sultan baru mengeneptikan Tunku Abdul Hamid. Namun Laksamana Wan Ismail, Permaisuri Wan Hajar dan Perdana Menteri Wan Mat Saman serta kaum kerabat Wan telah berjaya melantik Tunku Abdul Hamid sebagai sultan baharu Kedah ke 26 bergelar Sultan Abdul Hamid Shah pada tahun 1882. Bagi memastikan tidak berlaku penentangan di daerah-daerah, beberapa jawatan Penghulu Mukim yang dilantik oleh sultan terdahulu seperti di mukim Kerian, Kulim dan Kuala Muda telah ditukar dengan lantikan baharu (Jin, 1990). Dengan suasana negara yang aman membolehkan Wan Ismail bersara sepenuhnya dari jawatannya sebagai Laksamana Kedah (Othman, 1990). Sultan berkenan melantiknya menjadi Penghulu Mukim yang baharu di Kerian. Sebagai seorang pembesar yang berpengaruh, beliau dianugerahkan tanah ampun kurnia dan hak kutipan cukai (Gullick, 1958; Foziah Hat, 1990). Selepas kematian isterinya Wan Sopiah, beliau berkahwin baru namun tidak dikurniakan zuriat.

Pengaruh kerabat Wan dalam istana Kedah semakin pudar selepas Wan Ismail tidak lagi menjadi Laksamana Kedah. Malah setelah kematian Perdana Menteri Wan Mat Saman pada 14 Disember 1898 diikuti Permaisuri Wan Hajar pada tahun 1909 (Khan, 2006), banyak perjawatan utama lain dalam istana telah diwarisi oleh kaum kerabat dan anakanda-anakanda Sultan Abdul Hamid yang jumlahnya amat ramai bertujuan bagi mengelak perseteruan di kalangan kaum kerabat diraja (Miller, 1982; Noor & Rus, 2016).

Kajian Wan Shamsuddin & Ibrahim Bakar (2014) menunjukkan jawatan Laksamana telah mula dipegang oleh kerabat diraja dengan memakai gelaran Tunku Laksamana dianugerahkan kepada Tunku Muhammad Saad bin Tunku Daud yang merupakan putera saudara sultan dan pernah terlibat dalam perang menentang Siam sepanjang tahun 1838 - 1839. Jawatan Bendahara turut dipegang kerabat diraja bergelar Tunku Bendahara dan Temenggong bergelar Tunku Temenggong, sementara

jawatan Raja Muda turut diperkuuhkan dalam hierarki Orang-Orang Besar Berempat (www.kedah.gov.my/kesultanan-kedah).

Kajian oleh Ahmat (1969) dan Gothamasan (1984) turut menunjukkan sejak tahun 1879 sehingga 1905, kesultanan Kedah telah memberikan keutamaan kepada empat jawatan utama iaitu; Perdana Menteri, Bendahara, Penghulu Bendahari dan Shahbandar. Sementara jawatan Temenggong dan Laksamana dianggap kurang lagi penting memandangkan suasana negeri telah kembali aman dan tumpuan negeri Kedah dalam era tersebut lebih fokus kepada usaha memulihkan kembali hubungan diplomatik dengan Siam dan Inggeris serta usaha membangunkan semula ekonomi Kedah.

2.3 Sejarah Silat Cekak dan perkaitannya dengan Laksamana Wan Ismail

Menyelusuri salasilah sejarah, Silat Cekak diyakini berasal dari negeri Kedah dan pernah diamalkan oleh para panglima kanan kesultanan Melayu di negeri tersebut. Ilmu Silat Cekak telah diketahui secara lisan bermula apabila ia diperturunkan oleh Sultan Ahmad Tajuddin kepada Panglima Ismail (Ahmad, 1978). Syazwan et al., (2015) telah menyatakan bahawa Panglima Ismail merupakan seorang panglima kanan semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804 - 1845).

Dokumentasi sejarah awal perkaitan Silat Cekak dengan Panglima Ismail dan Panglima Tok Rashid telah dikesan melalui penerbitan artikel tulisan Mansor Tobing dalam sebuah rencana Utusan Zaman pada 23 Oktober 1966 yang bertajuk Asal Usul Silat Cekak (Hanafi, 1973). Pada tahun 1973, Hanafi bin Haji Ahmad telah menulis sebuah rencana ringkas dan dibentangkan semasa Konvensyen Seni Silat Melayu Pertama di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang (PSSCM, 1975). Sejarah silat ini selanjutnya dinukilkan lagi oleh beliau di dalam dua buah artikel dalam majalah Dewan Masyarakat (Hanafi, 1973; 1975; PSSCM, 2009) sebagai medium meluruskan kembali fakta sejarah yang cuba diselewengkan oleh pihak-pihak tertentu selain menjadi kaedah terbaik mempromosikan Silat Cekak bersesuaian dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ketika itu (Shukri et al., 2017; Shukri, 2018). Pada tahun 1978, sejarah awal berkaitan Silat Cekak dan Ustaz Hanafi telah direkodkan melalui kajian tahun akhir seorang mahasiswa di Universiti Malaya (Ahmad, 1978). Kajian-kajian ilmiah seterusnya turut mengaitkan sejarah silam di Kedah dengan Silat Cekak dilakukan melalui kajian Shukri (1998), Syazwan et al., (2015) dan Ahmad Amirulhaq et al., (2016).

Panglima Ismail juga dikhaskan pernah mengalahkan seorang pendekar Batak bernama Tuah (bukan Hang Tuah) yang melakukan kekacauan di Kerian, Perak (Ahmad, 1978). Sebagai tambahan Informan 1 menyatakan;

Tuah ni orangnya kebal, bila kena tangkap orang ikat dia berhari-hari kat sebatang pokok dan dibiarkan pucuk nibong sikit-sikit naik tumbuh tembus duburnya. Tu ja cara nak matikan dia sebab dia ni ada ilmu kebal. Bila dah mati orang kampong pakat tanam kat sebuah tanjung. Kawasan tu dulunya pantai ada tanjung dan banyak hutan bakau. La ni tempat tu orang Cina dah buat tokong warna merah sebab depa anggap keramat. Kawasan tu dulu orang panggil Tanjung Tuah, ada kat Nibong Tebal sampai la.

Kaedah membiarkan tusukan pucuk nipah ini merupakan sebahagian dari cara penyeksaan yang pernah dilakukan pada zaman dahulu bagi mematikan seseorang yang dipercayai memiliki ilmu kebal. Osborn (1838) dan Zaharah et al., (2016) turut menyatakan tentera-tentera Siam pernah melakukan perkara yang sama terhadap tawanan-tawanan Melayu mereka sewaktu Perang Musuh

Bisik tetapi sebagai satu bentuk hiburan!

2.4 Peristiwa melatari sejarah Kedah dan kesannya terhadap perkembangan Silat Cekak

2.4.1 Hubungan Kedah dengan Siam dan Inggeris dari 1897 hingga 1923

Era ini adalah waktu Panglima Rashid membawa amanah Silat Cekak selepas ketiadaan Panglima Ismail. Pada masa ini Inggeris berasa tidak berpuas hati dengan terma-terma Perjanjian Inggeris - Siam 1897 yang membataskan penguasaan mereka ke atas negeri-negeri Melayu di utara seperti Kedah, Perlis, Setul, Reman, Kelantan dan Terengganu, telah menekan Siam supaya menyerahkan negeri-negeri tersebut kepada SHTI (Ahmat, 1957). Sedangkan Siam berhajat menguasai wilayah-wilayah Melayu di Pattani, Setul, Narathiwat, Yala dan Senggora yang masih terhalang kerana penguasaan kesultanan Melayu di wilayah-wilayah tersebut (Chandran, 1971).

Sementara itu, Kedah yang hampir muflis akibat pembaziran terpaksa memohon pinjaman dari kerajaan Siam, ceti India dan saudagar Cina (Sharom, 1984; Othman, 2001; Awang, 2003). Akhirnya pada tahun 1905, Sultan Kedah terpaksa menerima seorang Penasihat Kewangan dari Kerajaan Siam sebagai syarat mendapatkan pinjaman dari kuasa tersebut (Maxwell & Gibson, 1924; Aziz, 2011). Namun Inggeris pula berpaktat dengan Siam membuat sebuah perjanjian rahsia iaitu Perjanjian Bangkok 1909 yang menyebabkan sultan-sultan di negeri-negeri Melayu utara tersebut terlepas banyak wilayah strategik seperti mana Sultan Kedah yang kehilangan wilayah Sadow, Setul, Pulau Terutau dan pulau-pulau sekitarnya (Mahmud, 1994; Halimi et al., 2016).

Di Kedah, Perjanjian Bangkok 1909 turut membuka ruang kepada pihak Inggeris melalui Penasihat British; M.G Maxwell yang baru dilantik pada 1910 untuk campurtangan dalam hal ehwal pentadbiran negeri tersebut dengan membelakangkan peranan Sultan serta Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) yang ditubuhkan sejak tahun 1905 dan dianggotai oleh para pembesar negeri. Beliau telah memaksa pembesar-pembesar Melayu mengikut telunjuk Inggeris, mengibarkan bendera Union Jack di negeri Kedah sesuka hati dan memotong elauan kerabat diraja tanpa persetujuan Sultan serta para pembesar Melayu hingga menimbulkan kemarahan mereka. Menurut bin Raus (2017) Inggeris bagaimanapun enggan berkonflik dengan pihak istana kerana sibuk membuat persediaan bagi menghadapi perperangan di Eropah. Meskipun keadaan tuanku sultan sedang gering, Inggeris masih memerlukan sokongan sultan dan para pembesar untuk melicinkan pentadbiran dan menghadapi kekacauan dalam negeri (Kheng, 1981).

2.4.2 Perjanjian Inggeris - Kedah, 1923

Keberadaan Inggeris di Kedah telah menimbulkan banyak konflik di antara para pembesar Melayu dengan pemerintah Inggeris. Bagi meredakan krisis tersebut, Inggeris berjaya memujuk Sultan Kedah menandatangani satu lagi perjanjian pada tahun 1923 di Singapura yang antaranya menyatakan;

- Kedah menjadi sebuah negeri lindungan Inggeris;
- Kuasa sultan dihadkan dalam hal ehwal perhubungan luar negeri;
- Inggeris mempunyai kuasa dalam menentukan persempadanan negeri Kedah;
- Inggeris berkuasa menasihat Sultan dalam urusan perlantikan pengganti Raja dan para pembesar;
- Seorang Penasihat British akan ditempatkan di Kedah bagi memberi menasihat hal ehwal pentadbiran, kewangan, keselamatan kecuali hal-hal yang bersangkutan adat istadat Melayu dan agama Islam.

Walaupun perjanjian ini menjadikan sistem pentadbiran, kewangan, pendidikan dan keselamatan Kedah lebih tersusun dan moden, namun peranan para pembesar tradisional termasuk para panglima dan hulubalang yang selama ini menjaga keselamatan di setiap jajahan darat dan lautan Kedah semakin terpinggir kerana digantikan dengan penubuhan pasukan polis negeri Kedah yang dilatih serta dikawal oleh pegawai-pegawai Inggeris.

Menurut Yusoff (1994) dan bin Abd Aziz (2017), sejak awal tahun 1900an Inggeris telah menubuhkan sepasukan polis Sikh bagi mengawal keselamatan Penasihat British serta aset-aset mereka di Kedah yang merupakan wilayah satelit Inggeris dan penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi mereka di Pulau Pinang (Aziz, 2001). Termenterainya Perjanjian Bangkok 1909 telah memberikan ruang yang lebih kepada Inggeris untuk menuju jabatan dan pasukan polis secara tersusun di negeri tersebut bagi mengganti selain menyerapkan tentera-tentera tradisional sultan.

Siam tidak lagi menjadi ancaman kepada Kedah, kesannya penghantaran bunga emas dan bunga perak kepada kuasa tersebut dihentikan (Suwannathat-Pian, 1990; Saari, 2016). Ketiadaan ancaman luar dan tumpuan kerajaan terhadap pembangunan ekonomi turut menyebabkan peranan para pembesar, panglima dan hulubalang tradisional selama ini yang menjaga keselamatan negeri kian mengecil, terpinggir dan terhad kepada aspek adat istiadat diraja di perkaranan istana sahaja. Namun lebih memerlukan tindakan Inggeris menggalakkan kemasukan ramai pelabur Cina dari Pulau Pinang telah menyebabkan tanah, sektor pengilangan beras, perlombongan timah dan lain-lain perniagaan di Kedah dikuasai golongan pendatang tersebut sehingga menjelaskan kuasa ekonomi pribumi Melayu sedia ada. Menjelang 30 Oktober 1909, kuasa kerah dan perintah yang dimiliki para pembesar Melayu ke atas rakyat jelata sejak sekian lama ditamatkan dan sistem pentadbiran tanah secara moden diperkenalkan (Gullick, 1987; binti Ahmad & Rus, 2017; Nordin & Rus, 2017).

Jawatan Perdana Menteri Kedah yang disandang oleh Wan Mat Saman sejak zaman Sultan Ahmad Tajuddin Mukaram Shah turut dimansuhkan setelah kematiannya. Sultan Abdul Hamid menggantikan jawatan tersebut dengan mewujudkan jawatan Penasihat Khas yang disandang oleh Tunku Abdul Aziz; saudara lelaki baginda, yang juga menjadi Raja Muda dan berkhidmat selama 9 tahun sehingga tahun 1907 (Jin, 1990). Sejak tahun 1905, Inggeris mula mencatur pentadbiran Kedah dengan melantik seorang Penasihatnya bagi mengambil alih kuasa Orang-Orang Besar Berempat dengan pengawasan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN). Sementara pentadbiran negeri pula dijalankan oleh para penjawat awam melalui Kedah Civil Service (KCS) mulai tahun 1923 (Winstedt & Winstedt, 1944; de Vere Allen, 1970) yang mana penjawatnya perlu mematuhi sistem Inggeris dari segi pemakaian, latihan dan peraturan (Othman, 1990; bin Mohd Rus, 2017).

Hakikatnya pengenalan sistem pentadbiran Inggeris di Kedah telah menyebabkan zaman kemasyuran para pembesar Kedah semakin malap. Hanya pada tahun 1948 jawatan Menteri Besar Kedah pertama diwujudkan bagi melicinkan pentadbiran negeri yang dipimpin oleh orang Melayu (Kedah State Goverment, 2008; Noor et al., 2016; bin Mohd Rus, 2017). Pada tahun 1959, Sultan Abdul Halim Shah semasa pertabalan baginda telah menitahkan agar perjawatan utama istana seperti Raja Muda, Bendahara, Temenggung, Laksamana diperkuuhkan kembali dan secara praktiknya diisi dengan kaum kerabat diraja hingga kini.

2.4.3 Musibah di Kedah – perkaitannya dengan sejarah Silat Cekak

Walaupun penjajahan Siam telah tamat dan Inggeris mula menguasai pentadbiran kerajaan namun rakyat tetap hidup susah kerana masalah kemiskinan, merebaknya wabak penyakit dan jenayah serta bencana banjir hingga menimbulkan keresahan rakyat. PSSCM (1975) dan Ahmad (1978) menyatakan Panglima Ismail telah mewariskan ilmu Silat Cekak kepada Panglima Tok Rashid yang kemudian terpaksa berhijrah ke Kerian bersama kaum keluarga serta para pengikut setelah berlakunya wabak taun di Yan. Bagi menentukan kesahihan peristiwa ini, beberapa peristiwa dan fakta sejarah perlu dijadikan perbandingan bagi mendapatkan titik temu dan kesahihan cerita lisan Silat Cekak. Informan 2 menyatakan;

Masa wabak taun dan cacar berlaku kat Kedah, banyak rumah orang kampong kena bakaq kononnya tu cara nak kawai wabak ni dari merebak tapi gagal. Sultan Abdul Hamid terpaksa minta bantuan Inggeris kat Pulau Pinang untuk bantu hantaq ubat cacar. Bukti tu ada dalam surat baginda pada Inggeris bertarikh 10 Zulhijjah 1894 bersamaan 15 Mei 1894. Inggeris dok bantu tapi wabak ni terus merebak, susah nak kawai.

Informan 1 ada menyatakan;

Panglima Tok Rashid masa tu marah kat sultan bila kerajaan dok bakaq rumah rakyat sesuka hati. Banyak rumah orang miskin kena bakaq tetapi rumah orang kaya tak kena bakaq. Sebab tak puas hati, Tok Rashid buat keputusan untuk hijrah dari Yan ke Kerian bawak anak isteri dan pengikutnya.

Sementara Informan 3 menyatakan;

Masa Kedah kena taun dulu, Yan paling teruk kena. Ramai yang mati depa kuarantin pi tanam kat pulau-pulau sebab tak nak wabak tu berjangkit. Mana yang selamat pulak depa pakat ramai-ramai hijrah ke kawasan selatan, mulakan hidup baru kat sana.

Menurut Aziz (2011), peristiwa merebaknya taun ini terkait dengan sistem kerah dan berderau (bergotong royong) yang dipaksakan ke atas rakyat bagi menggali terusan dan membina empangan air (tandop) dari Sungai Kedah ke kaki Gunung Jerai. Ia bertujuan mengairi kawasan-kawasan sawah padi yang dimulakan sejak tahun 1885 hingga 1896 dengan melibatkan perbelanjaan yang cukup besar, masa yang panjang sehingga ramai rakyat menderita dan mati diserang penyakit bawaan air seperti malaria, taun dan cacar.

Pengalian terusan melalui sistem kerahan tersebut dianggap telah mengeksploitasi rakyat apabila mereka diwajibkan berkhidmat dengan golongan pembesar tanpa diberi upah sewajarnya sebaliknya hanya diberikan makan dan minum secara ala kadar hingga menyebabkan kesengsaraan kepada rakyat (Nordin & Rus, 2017). Akhirnya buruh-buruh Cina terpaksa digunakan namun mereka sering menuntut upah yang tinggi dan banyak menimbulkan masalah kerana terlibat dalam kegiatan kongsi gelap (Abdullah, 2017). Wan Shamsuddin & Ibrahim Bakar (2014) menyatakan pada tahun 1888, berlaku satu pergaduhan besar di antara kongsi-kongsi gelap Cina yang dikenali sebagai Perang Nyonya Cantik yang mengancam keselamatan negeri hingga menyebabkan Sultan menitahkan Tunku Laksamana Kedah; Tunku Muhammad Saad bin Tunku Daud memadam kekacauan tersebut. Insiden ini jelas menunjukkan Kedah ketika itu telahpun mempunyai seorang Laksamana baharu menggantikan Laksamana Wan Ismail.

Peristiwa merebak wabak taun dan cacar pernah dikaji oleh American Association for the Advancement of Science (1891) dan Barua (1992) yang menunjukkan wabak taun menjadi pandemik global sepanjang tempoh tahun 1890 - 1923 telah membunuh lebih dari setengah juta orang penduduk dunia termasuk di Asia Tenggara.

Sepanjang tahun 1907 hingga 1929, kekacauan sering terjadi sehingga menjelaskan banyak kepentingan Inggeris. Dalam masa yang sama penjualan candu, kongsi gelap, perjudian dan kecurian semakin berleluasa hingga meresahkan rakyat (Kheng, 1981; Ishak & Ismail, 2004). Penentangan terhadap kepentingan Inggeris dan bangsawan antaranya telah diketuai oleh Salleh Tui sepanjang tahun 1907 hingga 1908, Panglima Nayan bin Derani (1914 - 1920), Awang Poh bin Osman (1915 - 1922) dan Sulaiman Saad atau Sulaiman Kerekau berjaya dihapuskan pada 1929 (Kheng, 1981; Horton, 1990). Menurut Mahmud (1972), pihak Inggeris melalui pasukan polis Kedah bertindak agresif memburu dan menghapuskan penentangan ini bagi memastikan negeri Kedah kembali stabil hingga melibatkan perbelanjaan yang besar serta kesengsaraan kepada rakyat. Namun kejayaan Inggeris ini hakikatnya banyak dibantu oleh penglibatan beberapa orang pendekar Melayu antaranya Penghulu Said, Panglima Abu Samah, Panglima Salleh Tahai, Panglima Hussain, Pendekar Che Wang dan Pendekar Awang Panjang (Kheng, 1981; Horton, 1990; Mahmud, 1972).

Musibah terus melanda Kedah apabila wabak taun sekali lagi menyerang negeri tersebut sepetimana penelitian Manderson (2002) dan Cholera (2009) yang mencatatkan bahawa wabak taun melanda Kedah dan negeri-negeri Melayu yang lain sepanjang tahun 1923 - 1924 hingga menimbulkan suasana panik kepada pemerintah Inggeris ketika itu. Berlaku juga banjir terburuk dikenali sebagai Bah Merah yang turut menjelaskan wilayah-wilayah di Patani dan negeri-negeri utara Tanah Melayu pada Disember 1926 hingga awal Januari 1927 (Ishak & Mohamed Dali, 2014). Rakyat kian sengsara kerana kerosakan harta, kediaman dan tanaman menyebabkan mereka terpaksa berhijrah ke kawasan-kawasan yang lebih selamat di sekitar negeri Kedah (Musa, 2003; Dahalan, 2006). Perpindahan ini adalah rentetan gelombang perpindahan besar-besaran kesan dari beberapa siri peperangan antara Kedah dan Siam sepanjang tahun 1821 hingga 1839 sebelumnya (Braddell, 1861; Othman, 2000; Gin, 2015; Kit, 2017) yang dikenali sebagai Perang Musuh Bisik atau Perang Nasi Gerit (Ismail & Mat, 1992; Jusoh et al., 2014, Mohd Herman, 2018). Sementara menurut Hayimasa (2009) dan Yaacob (2012), dasar-dasar zalim Siamisasi selepas tragedi penaklukan Patani pada tahun 1902 turut menyebabkan ramai umat Melayu-Islam termasuk para ulama di wilayah-wilayah tersebut berhijrah ke Kedah.

Perpindahan demi perpindahan kesan dari peperangan, dasar-dasar zalim kerajaan Siam, kekacauan, wabak penyakit dan bencana alam menyebabkan rakyat disibukkan dengan permasalahan bagaimana mahu meneruskan kelangsungan hidup, berusaha menyelamatkan diri dari buruan musuh serta tekanan kemiskinan sehingga menyebabkan ilmu-ilmu kependedekaran turut bertukar pewaris, lenyap atau terpaksa disembunyikan hingga dilupakan oleh generasi seterusnya. Situasi ini juga yang mempengaruhi perkembangan ‘ilmu Silat Cekak’ dalam rentang waktu selama 165 tahun iaitu dari tahun 1800 hingga 1965.

2.5 Laksamana Wan Ismail dan Panglima Ismail: Beza atau sama?

Jika dikaji dari segi nama, Laksamana Wan Ismail dan Panglima Ismail mungkin dua individu yang berbeza. Namun terdapatnya banyak persamaan dari sudut masa dan zaman perkhidmatan, gelaran, jawatan serta susur galur keturunan, perkahwinan serta waktu kematian memungkinkan mereka merupakan dua individu yang sama. Dalam merungkai persoalan ini, Informan 1 menyatakan;

Panglima Ismail ni namanya Ismail bin Long. Masa Perang Musuh Bisik dia lawan Siam bersama panglima-panglima lain tapi dia jadi ketua. Dia kahwin dengan Slamah binti Ali tapi tak da zuriat. Panglima Ismail ni sultan lantik jadi penghulu di Kerian dan sultan bagi dia banyak tanah. Bawah dia dok ada lebih 40 orang suruhan untuk bantu buat kebun, dia pungut cukai dan juai hasil untuk biaya perang lawan Siam.

Maklumat ini boleh dikaitkan dengan peranan Panglima Ismail sebagai Laksamana Kedah yang hidup dalam buangan semasa Perang Kedah - Siam. Beliau dilantik Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah menjadi Penghulu Mukim di Kerian yang berperanan mengumpul dana, melatih para pejuang serta mengatur strategi serangan gerila ke atas banyak kepentingan tentera Siam bagi membebaskan Kedah. Hasilnya beberapa siri serangan telah dilancarkan oleh ribuan pejuang Melayu dari pelusuk Nusantara dipimpin oleh ramai panglima sepanjang tahun 1821 hingga 1840 (Adil, 1983; Mohd Herman, 2018).

Wilayah Kerian yang bersempadan dengan Perak telah menjadi salah sebuah markas kepada gerakan pembebasan Kedah memandangkan kawasan tersebut terletak jauh di selatan Kedah terselamat dari serbuan tentera Ligor disebabkan pertahanan semulajadinya yang terlindung oleh kawasan pergunungan serta hutan tebal di sebelah utaranya hingga menyukarkan tentera Ligor menyerang wilayah tersebut (Booney, 1974). Catatan para penulis Barat seperti Anderson (1824); Mills (1925); Hall (1971) dan Windstedt et al., (1974) turut menjelaskan tentera Ligor yang ingin menyerang Kerian perlu mengharungi perjalanan yang sukar selain terpaksa berhadapan dengan serangan hendap para pejuang Melayu dari wilayah Patani, Reman, Kelantan selain gabungan tentera Perak dan Selangor yang handal. Sekiranya serangan hendak dilakukan melalui laut, tentera Ligor terpaksa merentasi Pulau Pinang dan Seberang Perai yang dikuasai Inggeris. Malah setelah termenterainya Perjanjian Burney 1826, Ligor ditegah menyerang Perak serta daerah-daerah bersempadan dengannya yang menjadi kawasan pembekal terpenting hasil pertanian kepada Inggeris di Seberang Perai dan Pulau Pinang setelah ia menjadi wilayah Negeri-Negeri Selat selain Melaka dan Singapura. Segala kelebihan ini telah memberi banyak peluang kepada Laksamana Wan Ismail untuk mengatur strategi peperangan dari daerah Kerian.

Seterusnya Informan 1 menyambung;

Isteri Wan Ismail; Slamah binti Ali ni anak kepada Penghulu Ali seorang pembesar di Batu Kurau, Perak yang bersempadan dengan daerah Kerian, yang Panglima Ismail dok juga masa tu.

Maklumat berkaitan Penghulu Ali ini berkait rapat dengan nama seorang Penghulu Mukim yang ke lima mentadbir Batu Kurau sekitar tahun 1890 hingga 1895 bernama Penghulu Muhammad Ali bin Tok Amar Wan Kasa bin Raja Hulubalang Petani (<https://pdtaiping.perak.gov.my/ms/node/186>). Mukim Batu Kurau tersebut merupakan daerah berjiran kepada Kerian yang luas dan dapat dihubung terus ke Seberang Perai melalui jalan darat dan Sungai Kerian serta menjadi kawasan tumpuan kepada para pelarian sewaktu pencerobohan tentera Siam ke atas Kedah dan Patani (Jalaluddin et al., 2016). Hasil perkahwinan Ismail dan Slamah ini telah mengeratkan lagi perhubungan antara dua daerah dan negeri yang berjiran. Namun perkahwinan mereka tidak dikurniakan zuriat. Justeru jika persoalan ketiadaan zuriat oleh Panglima Ismail ini dijadikan perbandingan, maka sudah pasti Laksamana Wan Ismail dan Panglima Ismail merupakan dua individu yang berbeza. Namun persamaan yang nyata ialah mereka pernah berkhidmat di zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804 - 1845), Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah I (1845 - 1854) dan Sultan Ahmad Tajuddin Mukaram

Shah III (1854 - 1879). Namun jika berdasarkan perkiraan umur, Wan Ismail dipercayai lahir pada pertengahan tahun 1790an hingga 1800an iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II (1789 - 1803).

Menurut Filarti (2009), Wan Ismail dilantik sebagai Laksamana Kedah oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804 - 1845) pada 1822 sewaktu berkecamuknya Perang Kedah - Siam. Sementara Panglima Ismail dikatakan berkhidmat di zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin sahaja seperti mana didedahkan oleh Yahya Said setelah beliau dilantik menjadi guru silat yang diwarisinya itu pada awal tahun 1966 di Alor Setar di hadapan sekumpulan penuntut baharu yang mempelajari silat yang dijaganya sejak tahun 1925 (Ahmad, 1978). Yahya Said tidak pula menjelaskan pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin yang mana satu. Justeru adalah tidak mungkin Panglima Ismail hidup di zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah 1, sultan Kedah ke 18 (1706 - 1709) kerana ia melibatkan rentang waktu lebih 100 tahun ke belakang!

Setelah berjaya mentahtakan cucunya, Tunku Abdul Hamid sebagai sultan, Wan Ismail telah bersara dari jawatan Laksamana Kedah dan telah dilantik oleh baginda sultan sebagai Penghulu Mukim di Kerian. Di Kerian beliau telah berkhidmat selama 15 tahun dan lebih dikenali sebagai Panglima Ismail atau Tok Maei dengan tidak memakai pangkal nama Wan bagi menyembunyikan identitinya sebagai seorang bekas Laksamana Kedah. Beliau seterusnya telah berkahwin lagi setelah isterinya Wan Sopiah meninggal dunia. Berkaitan pangkal nama Wan, Informan 2 telah menjelaskan;

Dulu sapa-sapa keturunan Wan akan buang nama Wan sebab takut Siam dok buru, depa jumpa

depa bunuh. Kalau kat Langkawi Datuk Kerma Jaya yang hukum bunuh Mahsuri tu pun dua-dua keturunan Wan. Keturunan depa kalu jumpa mesti gaduh, pengikut pun ikut sekali. Sebab tu juga dulu pernah rakyat mohon Sultan buang gelaran Dato' Pekerma Jaya pada pemimpin Langkawi sebab nama tu lah yang jadi rosak Langkawi.

Maklumat ini boleh dikaitkan dengan keputusan kaum kerabat Wan yang tidak mahu tragedi pembunuhan Mahsuri di Langkawi angkara Dato' Pekerma Jaya Wan Yahya dan isterinya; Wan Mahura terus menerus menimbulkan pemusuhan di antara keturunan mereka. Sejarah juga mencatatkan semasa Siam menyerang Langkawi pada 1822, Datuk Pekerma Jaya telah dibunuh Siam. Anaknya; Wan Mad Ali bangkit membala dendam atas kematian bapanya itu telah dilantik oleh Sultan Ahmad Tajuddin II menjadi panglima Langkawi memerangi Siam (Falarti, 2009). Menurut Abdullah Long Puteh (1958), Abdul Halim (2001) dan Halimi et al., (2016), Panglima Wan Mad Ali telah berjuang sebagai panglima angkatan Langkawi sehingga tahun 1839 namun merajuk dan kecewa membawa diri ke Sumatera bersama kaum keluarga dan para pengikutnya setelah angkatannya kalah dengan Siam di Trang dan Inggeris di Langkawi. Sementara saki baki keturunan Wan Mad Ali di Langkawi terpaksa meniadakan pangkal nama keluarga "Wan" (Wan Shamsuddin, 2018b) kerana bimbang terus diburu tentera Siam dan Inggeris serta dipulaukan oleh penduduk di situ. Sultan Zainal Rashid I seterusnya telah melantik Laksamana Wan Ismail sebagai pembesar di Langkawi pada tahun 1847 setelah ketidaaan Wan Mad Ali (Abdul Halim, 2001; Awang, 2003).

Peranan Wan Ismail sebagai pembesar bertaraf Penghulu Mukim di Langkawi dan Kerian boleh dikaitkan dengan kajian Earl (1861) dan Ahmat (1969) yang menyatakan di dalam sistem pemerintahan tradisional Kedah seseorang Penghulu Mukim mempunyai struktur pentadbirannya sendiri yang mana masyarakat di mukim tersebut boleh dikerah atas perintah sultan untuk mengerjakan bendang-bendang raja dengan diselia oleh seorang panglima yang turut menjaga

keselamatan di mukim tersebut. Para penghulu kebiasaannya terdiri dari kalangan mereka yang rapat dengan sultan, mempunyai kehebatan ilmu beladiri, mempunyai kuasa mengutip cukai selain memiliki pasukan pengawal bersenjatanya sendiri.

Mydin (1966) menjelaskan kepentingan sistem penghulu dan panglima dalam jentera pentadbiran mukim di Kedah ketika era tahun 1800 - 1900an sehingga kuasa mereka akhirnya diambil alih oleh para pegawai daerah dan pegawai polis apabila Inggeris memerintah Kedah mulai tahun 1909. Crawfurd (1830) mencatatkan pada tahun 1821 Kedah pernah mempunyai 128 buah mukim. Antara mukim-mukim utama antaranya Kerian, Perai, Yan, Langkawi, Perlis, Setoi, Kubang Pasu, Kota Setar dan sebagainya. Berdasarkan catatan Silat Cekak, Panglima Ismail telah dilantik oleh sultan menjadi pembesar di Kerian manakala Panglima Tok Rashid berperanan sebagai seorang panglima di Yan (Ahmad, 1978). Kedua-dua mukim tersebut ketika itu menjadi kawasan penempatan dan sosio ekonomi yang strategik kepada negeri Kedah, sehingga pada tahun 1904 apabila Yan dijadikan sebuah daerah dan ditadbir mengikut sistem pentadbiran Inggeris kesan dari pertambahan penduduknya terutamanya dari keturunan Aceh yang berhijrah ke situ (Sulong & Ali, 2012). Sementara Kerian pula dipecah-pecahan sempadannya kepada Kedah, Perak dan Seberang Perai oleh Inggeris pada tahun 1910 (Nordin & Rus, 2017). Informan 5 menyatakan;

Daerah Kerian ni dulu sangat luas. Tapi makin kecil sebab Inggeris beberapa kali dok ubah sempadan Kedah sejak tahun 1800. Masa Perjanjian Burney 1826, Siam hadiahkan tanah di Perai milik Kedah kat Inggeris sebab nak balas jasa Inggeris tolong Siam lawan orang Kedah. Lepas tahun 1831 depa (Inggeris) ubah lagi sempadan. Lepas Perjanjian Pangkor 1874 sampai la Inggeris perintah Kedah tahun 1910, sempadan Seberang Perai dah makin luas ke selatan dan timur Kedah, dok dapat kat Pulau Pinang tapi kawasan Kerian Kedah makin sempit. La ni kita tengok Kerian macam yang dok ada kat Perak saja la.

Catatan Silat Cekak ada menyatakan Panglima Ismail dengan umurnya yang sudah lanjut telah mewasiatkan ilmu persilatannya kepada Panglima Tok Rashid. Insiden merebaknya wabak taun di Yan menyebabkan Panglima Tok Rashid, keluarga serta para pengikutnya berhijrah ke mukim yang terselamat di selatan negeri Kedah iaitu ke kawasan daerah Kerian (PSSCM, 1975; Ahmad, 1978). Namun sebagai seorang yang setia dan tidak mahu derhaka kepada Guru dan Sultan, Panglima Tok Rashid mengambil keputusan berhijrah ke Kerian hanya selepas tamatnya projek penggalian terusan yang mana beliau menjadi salah seorang Panglima Mukim yang menyelia projek berkenaan di Yan. Ia juga berlaku selepas beliau menerima wasiat ilmu persilatan dari gurunya; Panglima Ismail dan selepas gurunya itu meninggal dunia. Peluang penghijrahan tersebut semakin terbuka luas setelah Perdana Menteri Wan Mat Saman yang merupakan ketua penyelia terusan dan anak kepada gurunya itu meninggal dunia pada 1898. Penghijrahan tersebut berlaku sekitar awal tahun 1899.

2.6 Kematian Wan Ismail

Berkaitan dengan kematian Wan Ismail, Informan 2 memberikan pandangan;

Laksamana Wan Ismail ni panglima kanan sultan dan jadi kerabat raja Kedah, rapat sebab anak-anaknya. Kemungkinan Panglima Ismail juga orang yang sama. Tapi kubuq dia saya tak tau kat mana, Wallahualam.

Maklumat Informan 2 ini boleh dipadankan dengan catatan Khan (2006) yang menyatakan tiada pembesar atau orang kebanyakan yang telah dimakamkan di dalam Makam Diraja Langgar melainkan jasad Dato' Wan Mat Saman merupakan jasad yang pertama diberikan kelebihan tersebut oleh Sultan Abdul Hamid Shah di atas segala jasa dan pengorbanannya terhadap negeri Kedah. Jasadnya telah disemadikan tahun 1898 bersebelahan dengan makam Raja Muda Ya'akop dan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Seterusnya Khan (2006) juga menyatakan Permaisuri Wan Hajar merupakan orang kedua dari keturunan Wan Ismail yang disemadikan di sini pada tahun 1909. Justeru jika Laksamana Wan Ismail meninggal sebelum kedua-dua anaknya, sudah tentu jasadnya di makamkan di situ, namun kuburnya tiada di situ menunjukkan beliau telah dikebumikan di suatu tempat yang lain. Maklumat ini turut disahkan oleh Informan 4 yang turut memberitahu;

Setahu saya kat Langgaq ni memang tak da kubuq Laksamana Wan Ismail, saya sendiri pun tak tau kat mana, yang ada kubuq anak dia ja Wan Mat Saman dan Wan Hajar.

Informan 3 memberikan maklumat mengenai Panglima Ismail, menurutnya;

Ada kemungkinan besaq Laksamana Wan Ismail ni orang yang sama dengan Panglima Ismail sebab zaman dulu-dulu para panglima ni suka sembunyikan identiti sebab nak elak musuh kenai. Dari cerita yang Mak Su dapat orang tua-tua dulu habaq silat ni orang alim-alim ulama yang bawa datang ke Kedah. Masa perang dengan Siam depa sepakat beri buah-buah silat pada para panglima. Panglima Ismail jadi ketua yang ajaq panglima-panglima lain di istana Kedah.

Informan 3 terus menyambung;

Menurut sejarah mulut ke mulut orang lama-lama cerita Panglima Ismail dan Panglima Tok Rashid ni orang yang hebat-hebat. Masa mati depa pun dah tua sangat. Sejarah Kedah memang jarang bercerita pasai panglima-panglima, kalau ada pun sikit ja. Tapi kalau cerita pasai ulama memang banyak, cerita sultan dan keturunan depa pun banyak. Sebenarnya Kedah ni banyak panglima masa perang sebab tu kena banyak lagi kajian bongkar supaya anak cucu kita nanti tau tok nenek depa sebenarnya orang hebat-hebat jadi panglima dalam masa sama mereka tu alim ulama.

Informan 3 juga membuat kesimpulan;

Di Kedah ni ada 4 buah pulau penting jadi tempat latihan pejuang Kedah dulu kala dok berlatih silat sebelum pi perang. Pulau-pulau tu Pulau Bidan, Telor, Songsong dan Pulau Bunting. Bila depa mati perang ramai panglima dan pendekar dimakamkan di situ. Masa Pulau Bunting nak diambil jadi pusat penapis petroleum tahun 2005 ramai orang dok bantah tapi kubuq semua kena alih jugak pi alih tanam kat kubuq Sungai Limau, Yan. Termasuklah ada sebuah kubuq keramat kubuq Syeikh Abdur Rashid ulama dari Patani. Tapi hat tu rasanya bukan panglima tapi ulama. Projek petroleum tu sampai la ni tak jadi.

Namun Informan 1 telah membuat kesimpulan dengan menyatakan;

Panglima Ismail dipercayai meninggai dunia sekitar tahun 1897 dan dikebumikan di daerah Kerian. La ni Kerian ada di Seberang Perai selatan. Tahun 1899, masa taun Tok Rashid dah pindah ke Kerian.

Maklumat ini pernah diperjelaskan oleh Syazwan et al., (2015) bahawa Panglima Ismail meninggal dunia di Kuala Kerian yang dahulunya di bawah jajahan negeri Kedah. Informan 1 turut menyatakan;

Pada 25 Jun 1923, balu kepada Panglima Ismail; Slamah binti Ali telah menyerahkan sebidang tanah sawah yang didaftarkan atas nama mereka pada tahun 1900 di Sungai Acheh di Kerian kepada seorang bernama 'Rasit'. Surat serah geran tanah tu pegawai Inggeris di pejabat tanah yang tulis dalam Bahasa Inggeris. 'Rasit' tu merujuk pada Panglima Tok Rashid sebab masa tu nama dia ditulis berdasarkan apa yang disebut dan apa yang didengar pegawai Inggeris tu.

2.7 Mandat Persilatan Silat Cekak diserahkan

Menurut Ahmad (1978), sebelum meninggal dunia Panglima Ismail telah mewariskan ilmu silat ini kepada Panglima Tok Rashid yang berasal dari Sungai Daun, Yan, Kedah. Seterusnya Panglima Tok Rashid berhijrah ke Kerian setelah Kedah dilanda wabak taun. Informan 1 menceritakan berkaitan Panglima Tok Rashid;

Tok Rashid ni nama sebenarnya Rashid bin Awang Lahat. Lahir sekitar tahun 1836 masa zaman perang dengan Siam. Beliau anak sedara lelaki sebelah Slamah dan berkahwin dengan Jeliah binti Mat. Depa dikurniakan anak ramai enam belas orang semuanya dan anak ke 16 tu diserah pada Sultan Abdul Hamid sebagai anak angkat. Tok Rashid ni orang kesayangan Panglima Ismail. Masa berkhidmat dengan sultan, Tok Rashid pernah bertugas di Perlis dan akhirnya balik ke Yan. Masa kat Sungai Acheh, Yan tu beliau terima silat dari Panglima Ismail. Lepas tu berlaku wabak taun besaq kat Kedah dan beliau pindah ke Kerian dan dok di sana sampai meninggai tahun 1943, zaman Jepun umoqnya lebih kurang 107 tahun dan dikebumikan di kubuq milik kaum kerabat depa di kampong Changkat Keledang. Kubur beliau dok ada sebelah dengan kubur Panglima Ismail.

Catatan The Burney Papers (1912) telah melaporkan bahawa Awang Lahat merupakan salah seorang pejuang Melayu dari Pulau Pinang yang turut bersama-sama membantu Tunku Kudin dan Tunku Long Puteh dalam serangan ke atas Kedah pada 1829. Menurut Informan 1, beliau merupakan bapa kepada Panglima Tok Rashid. Sebagai seorang yang mewarisi darah panglima, Tok Rashid telah berguru dengan Panglima Ismail. Sewaktu di Kerian, Panglima Tok Rashid sempat mengajar ilmu ini kepada beberapa orang antaranya Encik Yahya bin Said berasal dari Batu Kurau, Perak yang ketika itu berumur 20 tahun. Seterusnya ilmu tersebut diperturun dan diamanahkan kepada beliau yang ketika itu berumur 24 tahun sekitar tahun 1925 (Ahmad, 1978) dengan wasiat berbunyi;

Jika ada anak cucuku di Kedah hendak belajar silat ini, hendaklah kau pulangkan kembali.

Catatan ringkas PSSCM (1975) dan Ahmad (1978) turut menyatakan Yahya Said selepas menerima amanah persilatan dari Panglima Tok Rashid sering berpindah-randah dan terpaksa menyembunyikan ilmunya dari masyarakat, hanya orang-orang tertentu diajarkan ilmu ini namun tidak sepenuhnya dan tidak pula pernah tamat.

2.8 Silat Cekak selepas tahun 1925

Berita mengenai Panglima Tok Rashid tidak lagi didengar selepas penyerahan wasiat tersebut sehingga beliau meninggal dunia di usia 107 tahun pada 1943. Selama 40 tahun silat ini

dipandamkan oleh Yahya Said sehingga Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad yang berasal dari Kedah bertemu dengan beliau. Oleh kerana minatnya yang amat mendalam terhadap silat ini, Ustaz Hanafi telah meminta agar Yahya Said mengajar ilmu ini kepada sekumpulan 20 orang penuntut baru. Ia berlaku pada 28 Disember 1965 bersamaan 5 Ramadhan 1385 hijrah bertempat di rumah Encik Shafie Darus, Alor Setar, Kedah. Silat ini telah digerakkan menerusi kerjasama dengan Perkumpulan Seni Sari Budaya Sri Kedah (PSSBSK) pada awal tahun 1966 apabila Yahya Said dilantik menjadi guru silatnya (Hanafi, 1973; 1975).

Melalui PSSBSK, silat ini dapat ditamatkan oleh Yahya Said berbanding sebelumnya. Sewaktu majlis penamat pertama diadakan Yahya Said telah berkata di hadapan Hanafi dengan disaksikan para penuntut lain;

Ambillah balik hak tok nenek hangpa orang Kedah, aku tak cari makan dengan silat.

Yahya Said sekali lagi telah memberitahu silat yang diserahkan sepenuhnya itu bernama Silat Cekak dan menceritakan asal-usul silat tersebut. Selepas itu silat tersebut terus berkembang di tangan Hanafi sehingga tahun 1986 (Ahmad, 1978).

3. KESIMPULAN

Perjalanan sejarah perkembangan awal ilmu Silat Cekak begitu menarik dan panjang. Ia perlu terus dikaji dan diterokai dengan melihat pelbagai sudut fakta dan peristiwa sejarah yang melatari perkembangannya di negara ini. Pembuktian fakta amat penting bagi meluruskan kembali sejarah agar kisah keahlawanan para panglima Melayu tidak dianggap sebagai mitos yang diselubungi misteri dan mistik hingga boleh mengelirukan masyarakat. Melalui kajian ini, sejarah kewujudan Laksamana Wan Ismail atau Panglima Ismail sebagai tokoh pahlawan Kedah ditonjolkan bermula sejak perperangan di antara Kedah dengan tentera Siam Sukhotai dan Ligur semasa Perang Musuh Bisik. Justeru dalam mencari kesahihan kewujudan Panglima Ismail dan Panglima Tok Rashid sebagai tokoh panglima kanan negeri Kedah yang membawa Silat Cekak, maka pelbagai petunjuk seperti kedudukan pangkat, susur galur keturunan, perkahwinan, waktu perkhidmatan serta tahun kematian tokoh perlu dianalisa secara menyeluruh. Kajian perintis ini telah mengambil rentang masa 125 tahun yang berlangsung seawal tahun 1800an sehingga tahun 1925 yang melibatkan pemerintahan enam orang Sultan Kedah. Ia sebagai kerangka waktu bagi menyelusuri beberapa peristiwa bersejarah di negeri Kedah untuk mencari jawapan perkaitannya dengan sejarah perkembangan awal Silat Cekak semasa di tangan Panglima Ismail, Panglima Tok Rashid, Yahya Said hingga ke pewaris ‘anak cucu dari Kedah’ iaitu Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad yang berjaya menghidupkan kembali silat ini pada tahun 1965 setelah terpendam selama 40 tahun.

Rujukan

- Abdul Halim R (2001). Syair Kedah Darul Aman. Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Kuala Lumpur
- Abdullah, M. F. (2017). Sejarah Perkembangan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah sehingga tahun 1957. Sejarah: Journal of the Department of History.
- Abdullah Long Puteh. (1958) Sejarah Negeri Setol. Terjemahan Wan Adnan Wan Long (1971). Persatuan Sejarah Malaysia Negeri Kedah.

- Adil, B., & bin Yusof, S. (1980). Sejarah Kedah. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adil, B., (1983). Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15 – 19. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad H.H. (1978) Hanafi Hj Ahmad dan Seni Silat Cekak. Kajian Tahun Akhir, Ijazah Sarjana Muda Sastera. Universiti Malaya.
- Ahmad Amirulhaq M.A., Nur Fasihah I, Mohd Rodzi A.R & Muhammad Aluwi I (2016). Sumbangan dan Peranan Panglima Kanan Dalam Siri Peperangan Kedah Siam: Zaman Kesultanan Ahmad Tajuddin II dlm Kolokium Seni Silat Cekak Malaysia (KOSSCEM) 2016. Pulau Pinang: PSSCM USM
- Ahmad, I. (2014). Perompakan Di Selat Melaka Pada Abad Ke-19: Hak Masyarakat Melayu Atau Pensalahtafsiran Pihak Barat dlm prosiding 1st International Maritime Conference, 21 Oktober 2015. Labuan: Universiti Malaysia Sabah
- Ahmat, S. (1957). Kedah-Siam relations, 1821-1905. Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society.
- Ahmat, S. (1969). Transition and change in a Malay state: the economic and political development of Kedah (Doctoral dissertation, University of London).
- Ahmat, S. (1970). The Political Structure of the State of Kedah 1879–1905. Journal of Southeast Asian Studies.
- Alatas, S. H. (2013). The Myth of the Lazy Native: A Study of the Image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th Century and Its Function in the Ideology of Colonial Capitalism. Routledge.
- American Association for the Advancement of Science. (1891). Epidemic of cholera from 1830 - 1890. Science.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (1982). A History of Malaysia. New York: St.
- Anderson, J. (1824). Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlement in The Straits of Malaya, William Cox, London.
- Arifin, A. (2012). Syed Hussein Alatas: Pemikiran Kolonial dan Gagasan ‘Feudalisme Melayu’ (Syed Hussein Alatas: Colonial Mind and the ‘Malay Feudalism’ Idea). Akademika.
- Awang, M. (2003). Sosio-ekonomi wanita Melayu Kedah, 1881-1940 (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Aziz, M. (2011). Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah.
- Barua, D. (1992). History of cholera. In Cholera. Springer, Boston, MA.

- Binti Ahmad, R., & Rus, A. K. A. M. (2017). Dominasi Pengilang Cina dalam pengeluaran Beras di Kedah, 1909-1941. *SEJARAH: Journal of the Department of History*.
- Bin Abd Aziz, M. K. N. (2017). Kegiatan Jenayah di Kedah menerusi surat-menyerat Sultan Abdul Hamid (SMSAH). *SEJARAH: Journal of the Department of History*.
- Bin Mohd Rus, A. K. A. (2017). Kedah Pasca Perjanjian 1923: Kedudukan Orang Melayu dalam Pentadbiran Kerajaan. *Sejarah: Journal of the Department of History*.
- Booney, R. (1974). *Kedah 1771 -1821*. Oxford University Press.
- Braddell, T. (1861). *Statistics of the British Possessions in the Straits of Malacca*. Printed at the Pinang Gazette Print. Office.
- Chandran, J. (1971). Perjanjian 1909 antara Inggeris dengan Siam serta Latar Belakangnya. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*.
- Cholera. (2009). In *Encyclopædia Britannica*.
- Crawfurd, J (1830). *Journal of Embassy from the Governor General of India to the Courts of Siam and Cochinchina Exhibiting a view of the Actual State of Those Kingdoms*. London: Henry Colburn & Richard Bentley (First Published 1828)
- Dahalan Fazir (2006). Tapak-tapak Sejarah dan Budaya di Seberang Perai. Kertas kerja Wacana Sejarah Seberang Perai dan Forum Sempena Hari Kebangsaan ke 49 serta Bulan Bahasa Kebangsaan dan Sastera Negara 2006, 9 September. Pusat Budi Penyayang, Kepala Batas.
- de Vere Allen, J. (1970). *Malayan Civil Service, 1874–1941 Colonial Bureaucracy/Malayan Elite. Comparative Studies in Society and History*.
- Dewan, K. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Earl, G. W. (1861). *Topography and itinerary of Province Wellesley*. Printed at the Pinang Gazette Print. Office.
- Falarti, M. M. (2009). *Kedah: The foundations and durability of Malay Kingship* (Doctoral dissertation, Queensland University of Technology).
- Falarti, M. M. (2013). *Malay kingship in Kedah: religion, trade, and society*. Rowman & Littlefield.
- Foziah Hat (1990), *Kedah di Bawah Kepimpinan Sultan Ahmad Tajuddin II Mukarram Shah (1854 - 1879)*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ghazali, A. Z. (1995). *Pribumi dan penjajah: Gerakan tentangan di Malaysia*.

- Ghazali, A. Z. (1996). Kedah 1821–1842: Perjuangan Orang Melayu Menentang Siam. dlm Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif. Suntingan Badariyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gin, O. K. (Ed.). (2015). Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia (Penerbit USM). Penerbit USM.
- Gothamasan, P. N. (1984). Some Aspect of the Political and Economic Systems of the Nineteenth Century Northern Malay States: Kedah, Kelantan and Terengganu a Comparative View.
- Gullick, J. M. (1983). Kedah 1821-1855: years of exile and return. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Gullick, J. M. (1958). Indigenous Political Systems of Western Malaya. London School of Economics Monographs in Social Anthropology, No. 17.
- Gullick, J. M. (1985). Kedah in the Reign of Sultan Ahmad Tajuddin II (1854-1879). Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Gullick, J. M. (1987). Malay society in the late nineteenth century: The beginnings of change. Oxford University Press, USA.
- Halimi, A. J., Pitchai, M., & Yusoff, M. (2016). Setoi (Setul) mambang segara dalam lintasan sejarah Negeri-negeri Melayu Utara. Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Hall, D.G.E. (1971). Sejarah Asia Tenggara, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanafi H.A (1973). Seni Silat Cekak Malaysia dlm Konvesyen Seni Silat Melayu Malaysia Pertama anjuran Persatuan Bahasa Malaysia di Dewan Kuliah A Universiti Sains Malaysia.
- Hanafi H.A (1973). Keaslian Silat Cekak Usah Diragukan. Dewan Masyarakat. Oktober 1973.
- Hanafi H.A (1975). Silat Cekak Bukannya Sebahagian Daripada Silat Kalimah. Konvensyen Guru-Guru Silat Melayu. Kuala Lumpur.
- Hamzah, M., & Noor, M. A. (2002). Kesultanan Kedah: satu pengenalan ringkas wilayah dan jiran-jirannya. Journal of Southeast Asian Studies.
- Hayimasa, N. (2009). Jaringan ‘Ulama Patani Dengan Utara Semenanjung Tanah Melayu Abad Ke-18 dan Ke-19. Malaysia Dari Segi Sejarah.
- Horton, A. V. M. (1990). The Peasant Robbers of Kedah 1900 -1929: Historical and Folk Perceptions. By Kheng Cheah Boon. Oxford University Press: Singapore.
- Ibrahim, J. A., Razak, N. A., & Ahmad, M. Z. (2017). Terusan Wan Muhammad Saman (1895-2015): Tinggalan Sejarah dan Potensinya Sebagai Sebuah Produk Pelancongan. Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan.

- Ishak, M. M., & Ismail, S. A. (2004). Kedah dalam lipatan sejarah: Koleksi artikel Dato' Wan Shamsuddin Mohd Yusof.
- Ishak, N. S., & Mohamed Dali, A. (2014). Banjir besar 1926 di Semenanjung Malaysia.
- Ismail Haji Saleh. (2001). Wan Muhammad Saman Wan Ismail: Dato' Perdana Menteri Kedah 1870 – 1898. Alor Setar: Persatuan Sejarah Cawangan Negeri Kedah.
- Ismail, A., & Mat, Y. (1992). Perlis Indera Kayangan: sejarah pembentukan sebuah negeri berdaulat. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.
- Jalaluddin, N. H., Sanit, N. M., Ahmad, Z., & Radzi, H. M. (2016). Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). GEMA Online® Journal of Language Studies.
- Jin, K. K. (1990). Tunku Kudin: A Scribe's Defence. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Jusoh, A., Abdullah, N. Khairi, A. (2014). Menangani Tekanan: Strategi Peperangan Orang Melayu Kedah Terhadap Siam dlm Saat, I., Jusoh, A., & Abdullah, N. (2014). Sejarah dalam arus kesedaran: sumbangsih kepada Profesor Dr. Adnan Haji Nawang. Penerbit UTHM.
- Kedah State Government. (2008). Sultan Abdul Halim: A Royal Journey. Alor Setar: The Kedah State Government.
- Khan, G. J. M. (2006). Raja Melayu, kerabat & pembesar: 707 kisah dan fakta. Ainna's Publications.
- Kheng, C. B. (1981). Social banditry and rural crime in North Kedah, 1909-1929. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Kit, C. N. Y. (2017). Power and Autonomy in the Malay Kingdoms of Kedah, Perlis and Satun in the 19th Century. PROCEEDINGS ICOSH-UKM 2017.
- Kratz, E. U. (1988). Skinner C. (ed tr.): The battle for Junk Ceylon: the Syair Sultan Maulana. (Bibliotheca Indonesica, 25). Dordrecht and Cinnaminson, NJ: Foris Publications, 1985. Guilders 35. Bulletin of the School of Oriental and African Studies.
- Mahmud, N. A. N. (1994). Sejarah Penggarisan dan Pemantapan Sempadan Negeri-Negeri Melayu Utara Dengan Siam 1907-1912.
- Mahmud, Z. (1972). The population of Kedah in the nineteenth century. Journal of Southeast Asian Studies.
- Mahyuddin, M. K., Stapa, D. Z., & Badaruddin, F. (2013). The Relationship Between the Shari'ah, Tariqah, Haqiqah and Ma'rifah by Wan Sulaiman b Wan Siddik, a 19th Malay Sufi Scholar in the Malay world. Journal of Islamic Studies and Culture.

- Manderson, L. (2002). *Sickness and the state: health and illness in colonial Malaya, 1870-1940.* Cambridge University Press.
- Maxwell, S. W. G., & Gibson, W. S. (Eds.). (1924). *Treaties and engagements affecting the Malay States and Borneo.*
- Miller, Harry (1982). *Prince and premier.* Eastern Universities Press, Singapore.
- Mills, L. A. (1925). *British Malaya 1824-67.* Reprint. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohd Herman Roslan (2018) *Sejarah Perang Melayu - Thai 1767 - 1842.* Geroda Merah Press: Kuantan.
- Muhammad, S. J. N. (2017). *Kepemimpinan Diplomatik Pemerintah Kerajaan Dalam Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah.* Jurnal Melayu.
- Musa, M. (2003). *Kongsi gelap Melayu di negeri-negeri utara pantai barat Semenanjung Tanah Melayu 1821 -1940-an (Malay secret societies in the nothern Malay states, 1821-1940's).* Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Mydin, H (1966). *Sistem Penghulu di Kedah.* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Newbold, T. J. (1839). *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca: Viz. Pinang, Malacca, and Singapore, with a History of the Malayan States on the Peninsula of Malacca (Vol. 2).* J. Murray.
- Noor, M., Ain, N., Rus, M., & Ariffin, A. K. (2016). *Dari Aristokrat ke Golongan Marhaen: Peranan orang Melayu dalam Pentadbiran Kedah, 1909-1941 dlm Prosiding Persidangan Sejarah Sosioekonomi Malaysia, 23-24 November 2016, Perubahan Pencapaian dan Cabaran.* Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Nordin, M. (2010). *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah Karangan Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib.*
- Nordin, N., & Rus, A. K. A. M. (2017). *Perkembangan Pentadbiran Tanah di Kedah, 1909-1917.* SEJARAH: Journal of the Department of History.
- Osborn, S. (1987). *The blockade of Kedah in 1838: a midshipman's exploits in Malayan waters.* Oxford University Press, USA.
- Othman, M.I. (1990). *Politik tradisional kedah: 1681-1942.* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Othman, M.I. (2000). *Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad ke-19 dan Awal Abad Kedua Puluh.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Othman, M.I. (2001). *Pengalaman Kedah & Perlis: zaman penjajahan British.* Utusan Publications & Distributors.

- Othman, M. S., & Aziz, A. Y. A. (2012). Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya (Kedah Port Laws from the Historical and Cultural Perspectives).
- Othman, A. A., & Samsudin, M. (2016). Tema-Tema Konflik dalam Pensejarahan Malaysia: Satu Tinjauan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- PSSCM (1975). Suara Cekak Bil 1 KDN 9130. Kuala Lumpur: PSSCM.
- Rahim, R. A. A., Jalal, A. F. A., Alias, A. W., & Ismail, H. (2018). Perbandingan Pendekatan Penjajahan British dan Belanda. Jurnal Socio-Politica.
- Roff, W. R. (1987). The Battle for Junk Ceylon. Edited by Cyril Skinner. Dordrecht, Holland: Foris Publications, 1985. Notes, Appendixes, Bibliography. Np. The Journal of Asian Studies.
- Saari, H. (2016). Hubungan luar kesultanan Melayu Kedah menerusi surat raja-raja, 1882-1911.
- Sharom Ahmat (1984). Kedah - Tradition and change in Malay state: A study of the economic and political development: 1778-1923. Monograph No. 12. Malayan Branch Royal Asiatic Society.
- Shukri, J. (1998). Seni Silat Cekak Malaysia warisan mutlak bangsa Melayu. Universiti Sains Malaysia.
- Shukri J., Zaimilah Y. M. Surat (2017). Sedekad Perkembangan Silat Cekak (1965 - 1975): Sumbangan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) dalam Pembangunan Insan, Masyarakat dan Negara dlm Kolokium Seni Silat Cekak Malaysia (KOSSCEM) Ed. 5. Pulau Pinang: PSSCM.
- Shukri J. (2018). Peranan Seni Silat Cekak Malaysia Dalam Pembangunan Seni Warisan Budaya Melayu Sepanjang Era 1965 – 1975. Journal 8th International Conference of Local Knowledge (ICLK), Kuala Lumpur.
- Skinner, C. (1985). The battle for Junk Ceylon: the Syair Sultan Maulana: text, translation and notes (Vol. 25). University of Washington Press.
- Sulong, J., & Ali, A. M. (2012). Kajian Perbandingan Dalam Pentadbiran Undang-Undang Kutipan Zakat di Provinsi Aceh dan Negeri Kedah. Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies.
- Suwannathat-Pian, K. (1990). Phongsawadan Muang Zaiburi (The Chronicle of negeri Kedah). JEBAT.
- Syazwan M. Y., Murni Idayu M.A, Nurulhuda A.R, Nurli Haniyyah A.H, Aimi Alwani M.A & Wan Mohd Dhaiyudee Helmy W.M. (2015). Kajian Awal Kesahihan Sejarah Panglima Ismail melalui Kaedah Pembuktian Dokumentasi dlm. Kolokium Seni Silat Cekak Malaysia (KOSSCEM) Ed.3 Pulau Pinang: PSSCM.
- The Burney Papers (1912) Volume 3, Vajiranana National Library, Bangkok.

Thomson, J. T., & Hall-Jones, J. (1984). Glimpses into life in Malayan lands. Oxford University Press, USA.

Wan Ibrahim Wan Soh (1972). Wan Mohammed Saman Canals and Other Canals. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.

Wan Shamsuddin Mohd Yusoff & Ibrahim Bakar Langkawi (2014) Kedah Darul Aman Sepanjang Zaman dlm 23th Conference of the International Association of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014) Volume 4, Asia History, Histography and Heritage: Managing Experience and Future, Alor Setar: Kedah.

Wan Shamsuddin Mohd Yusoff (2018a). Bicara Tokoh: Dato' Wan Muhamad Saman Bin Wan Ismail Perdana Menteri Kedah Darul Aman 1870 - 1898 dan Taklimat Sejarah Pembinaan Terusan Wan Mat Saman, 19 April 2018 Hotel Seri Malaysia anjuran Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Wan Shamsuddin Mohd Yusoff (2018b) Mahsuri: Benar atau Mitos? Buletin PSM Okt/Dis 2018 Persatuan Sejarah Malaysia, Bil 58/18.

Windstedt, R.O. (1935). History of Malaya, The Equisition of Penang Chapter VII, East India Company Relations With Siam. London Singapore: Malayan branch of the Royal Asiatic Society.

Winstedt, R. O., & Winstedt, R. (1944). Britain and Malaya, 1786-1941 (Vol. 1). Longmans, Green.

Windstedt, R.O, Wilkinson, R. J & Maxwell, W.E (1974). A History of Perak, Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society - MBRAS, Reprint Vol 3.

Yaacob, C.M.A. (2012). Asimilasi bangsa Melayu di Patani: Keberkesanan dasar dan survival budaya minoriti. The assimilation of the Malays in Patani: The Effectiveness of policies and survival of the minority culture. Jebat.

Yahya, M. H. (1996). Undang-undang Laut dan Perdagangan Negeri Kedah Abad ke Tujuh Belas.

Yusoff, H. (1994). Pasukan Polis di Negeri-Negeri Melayu (1870-1941). Persatuan Sejarah Malaysia.

Akhbar

Mansor Tobing, (1966, 23 Oktober) Asal Usul Silat Cekak. Utusan Melayu.

Rais Yatim (2014, 23 Disember). Cermin Sejarah, Warisan Melayu. Utusan Malaysia. Dipetik dari <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/cermin-sejarah-warisan-melayu-1.7847>

Informan

Informan 1: Tuan Haji Ghazali Abdul Rahman; Penyelia PSSCM Universiti Utara Malaysia (PSSCM UUM). Ditemuramah pada Jumaat 28 Disember 2018 di kediaman beliau di Sintok dan lawatan ke Alor Setar, Kedah.

Informan 2: Dato' Dr. Hj. Wan Shamsuddin bin Mohd Yusuf; Pengurus Persatuan Sejarah Kedah dan tokoh Sejarahwan Kedah. Ditemuramah pada Jumaat, 28 Disember 2018 di kediaman beliau di Teratak Hamka, Alor Setar, Kedah.

Informan 3: Puan Rosini binti Hashim juga dikenali sebagai Mak Su; Pemandu Pelancong dan Pengumpul Sejarah Lisan daerah Merbuk. Beliau telah ditemuramah sepanjang kajian lapangan di daerah Yan seperti Merbuk, Lembah Bujang, Tanjung Jaga, Sedaka, Dulang, Bukit Meriam, Jerai, Kedah pada 15, 16 dan 30 Disember 2018 serta 4 Februari 2019.

Informan 4: Encik Daud bin Shahidan; dikenali sebagai Pak Daud bekerja sebagai Penjaga Makam DiRaja Langgar, Alor Setar selama 20 tahun. Ditemuramah pada 5 Februari 2019 di Makam Diraja Langgar.

Informan 5: Encik Dahalan bin Fazil; Presiden Angkatan Warisan Seberang Perai dan ahli Pertubuhan Sejarah dan Warisan Seberang Perai. Ditemuramah pada 16 Februari 2019 di Seminar Tamadun Alam Melayu anjuran PSSCM Seberang Perai.

Internet

www.facebook.com/Pertubuhan-Wasilah-Keturunan-Wan-Kedah-145347402162270/

<https://zh-cn.facebook.com/notes/jalinan-salasilah-rumpun-melayu/mengenal-asal-usul-keturunan-wan/243348545718104/>

www.facebook.com/sayasyantunn/photos/pencerahan-keturunan-tun-mdalam-celahans-pembentukan-negeri-kedah-darulaman-pada-/869357829802695/


www.geni.com/Dato-Wan-Ismail

www.pdttaiping.perak.gov.my/ms/node/186


www.psm.org.my/phocadownloadpap/warkah/Warkah%20PSM%20Bil.58.pdf

www.sinarharian.com.my/politik/air-mata-negeri-kedah-1.502599

www.youtube.com/watch?v=YssYWokxUvg: Kedah.....Suatu Ketika Dahulu - Dr Abdul Muati Ahmad



X



Cawangan Kedah
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2682-7840

